

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Essential Elite SaverPlus

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Essential Elite SaverPlus. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menawarkan simpanan dan perlindungan insurans untuk 30 tahun. Polisi ini menyediakan bayaran tunai terjamin pada setiap dua (2) tahun dan semua premium yang dibayar untuk pelan asas akan dikembalikan pada tarikh kematangan, sekiranya polisi ini masih berkuat kuasa. Polisi membayar satu bayaran sekali gus atas kematian atau apabila Orang yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh polisi.

Polisi ini tidak menyertai dalam pengagihan untung Syarikat.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Bayaran Tunai Terjamin - 4% daripada Jumlah asas yang Diinsuranskan akan disediakan pada setiap dua (2) tahun bermula daripada akhir tahun kedua selagi polisi ini masih berkuat kuasa;
- Manfaat Kematangan - Semua premium yang dibayar untuk pelan asas akan dikembalikan pada tarikh kematangan.
- Manfaat Kematian/ Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Dan Kekal* (HUMK)

Tahun Polisi	Kematian/ HUMK (akibat daripada kemalangan)	Kematian/ HUMK (akibat daripada sebab-sebab lain bukan kemalangan)
Tahun 1 dan 2	Jumlah premium pelan asas diterima terkini dikembalikan	
Tahun 3 dan seterusnya	200% daripada Jumlah asas yang Diinsuranskan (Hayat Piawai) 100% daripada Jumlah asas yang Diinsuranskan atau jumlah premium pelan asas diterima terkini mengikut mana-mana yang lebih tinggi (Hayat tidak Piawai)	200% daripada Jumlah asas yang Diinsuranskan pelan asas sebagai pembayaran tambahan.

Nota*

- Perlindungan untuk Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal terhenti apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun.
- Jumlah maksimum Diinsuranskan bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal adalah tertakluk kepada RM1 juta bagi setiap polisi dan RM2 juta di bawah semua polisi bagi orang yang sama.

Tempoh: Sehingga kematian atau pembayaran penuh manfaat TPD atau kematangan polisi pada tahun polisi 30, yang mana lebih awal.

3. Berapakah premium* yang saya perlu bayar?

- Anggaran premium yang anda perlu bayar adalah < Jumlah Premium >

Tempoh premium: 20 Tahun

**Sila rujuk ilustrasi jualan dalam muka surat 2 untuk anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar.*

Nota:

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari selepas setiap tarikh genap tempoh premium. Premium harus dibayar sebelum tamat tempoh tersebut.
- Premium adalah terjamin.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Tiada.



5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul. Tempoh bertenang - anda boleh
- membatalkan polisi anda melalui pemberitahuan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari setelah polisi ini dihantar. Premium yang anda telah bayar (tolak apa-apa bayaran perubatan yang tertanggung, jika ada) akan dikembalikan kepada anda.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Kematian
 - Bunuh diri semasa tahun pertama polisi; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan yang dialami ketika melibatkan diri dalam pertandingan kepantasan dan ketahanan yang merbahaya;
 - Mana-mana aktiviti udara (kecuali mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang atau ahli krew pesawat udara yang dikendalikan oleh sebuah Syarikat Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk membawa penumpang menerusi jadual perjalanan komersil yang ditetapkan);
 - Pelayaran kapal selam;
 - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut dan aeronautik;
 - Kemalangan yang berlaku atau hilang upaya yang timbul sebelum Tarikh Permulaan atau Pengembalian Semula perlindungan Polisi ini;
 - Rusuhan dan kekecohan awam, menyerang atau aktiviti-aktiviti pengganas;
 - Pencabulan undang-undang atau tentangan semasa ditahan; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Manfaat Kematian disebabkan Kemalangan
 - Apa-apa Kemalangan yang berlaku sebelum kami menerima premium modal penuh pertama diperlukan;
 - Apa-apa bentuk penyakit atau penyakit dalam apa jua bentuk dan apa jua sebab;
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan yang dialami ketika melibatkan diri dalam pertandingan kepantasan dan ketahanan yang merbahaya;
 - Mana-mana aktiviti udara (kecuali mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang atau ahli krew pesawat udara yang dikendalikan oleh sebuah Syarikat Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk membawa penumpang menerusi jadual perjalanan komersil yang ditetapkan);
 - Pelayaran kapal selam;
 - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut dan aeronautik; atau
 - Pencabulan undang-undang atau tentangan semasa ditahan.
- Manfaat HUMK disebabkan Kemalangan
 - serangan atau pembunuhan;
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan rusuhan dan kekecohan awam, menyerang atau aktiviti-aktiviti keganasan; atau
 - mengandung atau bersalin.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian.



7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Membeli polisi hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda boleh luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum kematangan akan banyak kurangnya daripada keseluruhan premium yang telah anda bayar. Polisi ini hanya memberi nilai serahan selepas ia telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 5 tahun penuh.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua aktiviti surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Jika anda memerlukan informasi tambahan mengenai insurans hayat, sila rujuk buku panduan *insuranceinfo* tentang 'Insurans Hayat' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu naskhah daripada wakil jualan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2059 6188
Fax : 03-2162 8068
E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan.

Tiada.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN DIRI ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU BERHUBUNG DENGAN PIHAK SYARIKAT SECARA LANGSUNG UNTUK INFORMASI LEBIH TERPERINCI.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 12/10/2018.

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373(6171-M)] adalah pengedar pelan insurans ini dan terletak di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.